

22/03/1999

Pas guna agama pikat pengundi

Ahmad Zaini Kamaruzzaman; Hassan Omar

ALOR STAR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan rakyat mengenai tipu muslihat Pas yang menggunakan Islam dan isu pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai usaha memenangi pilihan raya akan datang.

Perdana Menteri berkata, Pas adalah parti yang tidak memperjuangkan Islam yang sebenar, sebaliknya menggunakan agama bagi memenuhi nafsu untuk mendapat undi dan membentuk kerajaan.

Katanya, isu kafir mengkafir dan dakwaan kononnya Umno mengamalkan sekularisme antara isu agama yang dibangkitkan parti itu, manakala tindakan mempelopori penubuhan Gerakan Keadilan Rakyat (Gerak) dan sokongan terhadap Angkatan Keadilan Sosial (Adil) didakwa sebagai memperjuangkan keadilan.

"Apa yang dilakukan Pas sebenarnya adalah menurut nafsu mereka untuk dapat undi, menjadi wakil rakyat serta mendapat elaun dan bukan untuk Islam.

"Ia menganggap penyingkiran Anwar adalah peluang baik untuk memburukkan Umno dan mengalahkan Barisan Nasional (BN)," katanya berucap di majlis Perhimpunan Rakyat Bersama Perdana Menteri, di Stadium Darulaman, di sini malam ini.

Sehubungan itu, Dr Mahathir mengajak rakyat menolak Pas pada pilihan raya akan datang, sebaliknya mengekalkan pemerintahan kerajaan BN yang terbukti berjaya membangunkan rakyat serta negara.

Perhimpunan yang disertai kira-kira 30,000 rakyat Kedah itu adalah yang pertama daripada siri lawatan Dr Mahathir ke seluruh negara bagi memberi penjelasan kepada rakyat berhubung pelbagai isu politik negara.

Hadir sama Menteri Besar Kedah, Tan Sri Sanusi Junid; Menteri Besar Perak, Tan Sri Ramli Ngah Talib; Menteri Penerangan Datuk Mohamad Rahmat dan Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng yang juga pengerusi MCA Kedah.

Turut sama di majlis yang disiarkan secara langsung oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM) itu ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Dr Mahathir juga mengingatkan rakyat bahawa Pas menganggap Islam sebagai isu politik yang boleh digunakan untuk mendapat undi dan bukannya sebagai agama suci yang perlu dipelihara.

Menurutnya, disebabkan Pas menganggap undi sebagai penting, ia bertindak menjalin hubungan dengan sesiapa saja, termasuk DAP, Gerak dan Adil serta sanggup berkerjasama dengan syaitan seperti yang dinyatakan Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Aziz Nik Mat.

Mengenai Adil, Perdana Menteri berkata, jika pemimpin pertubuhan itu bijak, mereka tidak sepatutnya membiarkan diri mereka tertipu dan diperalatkan Pas.

"Adil juga cuba menguji pengaruhnya di Sabah tetapi gagal dan tidak berani bertanding pada pilihan raya lalu, sebaliknya hanya menyokong Pas," katanya.

Perdana Menteri turut memberi penjelasan berhubung pemecatan seorang pemimpin tertinggi Umno yang menurutnya bertujuan mengelakkan pemimpin negara daripada menjadi boneka kepada kuasa asing, khususnya Amerika Syarikat.

Beliau berkata, ucapan Naib Presiden Amerika Syarikat, Al Gore ketika Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Kuala Lumpur, tahun lalu jelas menunjukkan percubaan kuasa asing untuk menentukan pemimpin negara ini.

Katanya, kuasa asing cuba memupuk seorang calon mereka untuk mengambil

alih kerajaan dan menyokong gerakan reformasi yang merusuh di jalan raya bagi menjatuhkan kerajaan dan menjayakan cita-cita mereka.

Malangnya, orang harapan mereka tersungkur dan tidak mungkin menjadi Perdana Menteri secara halal menerusi pilihan raya.

"Jika (pemimpin terbabit) menjadi Perdana Menteri, Al Gore dapat memperalatkan orang ini menjadi boneka mereka. Maka akan hancur negara kita jika pilih pemimpin boneka kepada negara asing," katanya.

Perdana Menteri juga menegaskan bahawa negara tidak boleh membenarkan pemimpin yang rosak akhlak dan tidak bersih serta yang meletakkan kroni mereka dalam Umno bahagian, jabatan kerajaan serta polis untuk menjayakan hasrat dan cita-cita besar mereka.

"Kita perlu singkir pemimpin yang macam ini kerana kita mahukan pemimpin yang bersih dan cekap memimpin negara. Tanggungjawab saya ialah menjelaskan keadaan dalam negara kepada rakyat kerana ada pihak yang putar belit dan kelirukan rakyat," katanya.

(END)